

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Wira Othman Bin Abdul
[Pandang]

TARIKH : 8 November 2017 (Rabu)

SOALAN : Dato' Wira Othman Bin Abdul
[Pandang] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan luas tanah terbiar
yang telah diusahakan di Daerah
Pandang sejak 2013 hingga 2017 dan
jenis pertanian yang diusahakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 30 September 2017, seluas 11,653.28 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan jumlah pengeluaran sebanyak 502,050.79 metrik tan bernilai RM171.6 juta dengan melibatkan 7,847 orang peserta yang mengusahakan pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan kelapa.

Bagi Daerah Pendang, tiada pembangunan tanah terbiar dilaksanakan bagi tahun 2013 hingga 2017. Walau bagaimanapun, seluas 47.6 hektar tanah terbiar di Pendang telah dibangunkan bagi tahun 2008 hingga 2011 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM845,800. Seramai 36 orang petani telah mendapat manfaat dan berjaya menghasilkan pengeluaran berjumlah 1,473 metrik tan dengan nilai RM2.43 juta. Antara tanaman yang diusahakan adalah seperti nanas dan markisa.